

18 JAN 2001

PPP DAPAT "DURIAN RUNTUH" DARIPADA PELANTIKAN KAYVEAS

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Parti Progresif Rakyat (PPP) menganggap pelantikan Presiden parti itu, Senator Datuk M. Kayveas sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merupakan "durian runtuh."

Ketuanya T. Murugiah berkata, pelantikan itu juga menutup syak wasangka beberapa pihak yang menganggap PPP dianaktirikan oleh Barisan Nasional.

"Selepas ini kami percaya parti PPP akan mendapat nafas baru untuk berkembang, setanding dengan parti-parti komponen Barisan Nasional yang lain," katanya dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata, Pemuda PPP berterima kasih kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad atas kepercayaannya melantik Kayveas sebagai timbalan menteri, yang menjadi sejarah kepada parti itu sejak ditubuhkan pada 1953.

Semua tenaga, masa, wang dan sokongan ahli PPP selama ini telah mendapat pulangan yang lumayan, katanya.

Katanya, Pemuda PPP akan mengatur lebih banyak aktiviti amal kepada golongan muda untuk menjauhkan diri daripada kegiatan negatif seperti penagihan dadah dan gangsterism.

-- BERNAMA

RZS ZS ZB